

- (iii) Membenarkan pihak ketiga untuk memasuki kontrak dengan Kerajaan atau mana-mana pihak yang difikirkan perlu untuk menyiapkan Kerja ini dengan syarat Kerajaan tidak bertanggungjawab membayar kepada pihak ketiga untuk sebarang bahan atau barang yang dihantar atau sebarang kerja yang dilaksanakan atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini (sama ada sebelum atau selepas tarikh penamatan) dimana kerajaan telah membayar tetapi kontraktor gagal membuat bayaran kepada pihak ketiga.
 - (iv) Tanpa sebarang kos kepada kerajaan, menyerahkan kepada kerajaan semua pelan, rekabentuk, spesifikasi dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Kerja;
 - (v) Membayar kepada Kerajaan mana-mana kerugian atau kerosakan akibat penamatan kontrak ini mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 55⁵; dan
 - (vi) Tidak dilepaskan sebarang tanggungjawab di bawah kontrak ini.
- (c) Apabila penamatan pengambilan kerja kontraktor dilakukan, Kerajaan hendaklah:
- (i) Menuntut Bon Pelaksanaan atau merampas Wang Jaminan Pelaksanaan;
 - (ii) Memasuki dan memiliki semula tapak bina;
 - (iii) Berhak menjalankan dan menyiapkan Kerja samada oleh jabatan sendiri atau melantik pihak lain untuk menyiapkan Kerja; dan
 - (iv) Berhak untuk membuat tuntutan ke atas kontraktor bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang dialami kesan dari penamatan kontrak ini mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 55⁶.

⁵ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Certificate Of Termination Costs

⁶ P.W.D Form 203/203A (Rev. 2007) – Certificate Of Termination Cost